

09/12/1998

Belanjawan 1999 dilulus

reports on " Dewan Rakyat" by Fazli Abdullah
KUALA LUMPUR, Selasa - Sidang Dewan Rakyat semalam meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan 1999 dan usul anggaran Perbelanjaan 1999 sebulat suara tanpa sebarang pindaan.

Sebanyak RM65.095 bilion diperuntuk dalam Belanjawan 1999 iaitu RM47.042 bilion atau 72.3 peratus bagi perbelanjaan mengurus manakala RM18.053 bilion atau 27.3 peratus perbelanjaan pembangunan.

Rang undang-undang itu dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 23 Oktober lalu dan dibahaskan selama 26 hari di peringkat dasar dan jawatankuasa.

Daripada RM47.042 bilion perbelanjaan mengurus, bidang pendidikan menerima peruntukan paling banyak iaitu RM10.4 bilion, kewangan (RM4.49 bilion), kesihatan (RM3.6 bilion) dan pertahanan (RM3.5 bilion).

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, ketika menggulung perbahasan Perbekalan 1999 bagi kementeriannya di peringkat jawatankuasa, kecewa dengan kerajaan negeri yang tidak menswastakan keseluruhan bekalan air di negeri masing-masing.

Menurutnya, sebelum ini Perdana Menteri mengarahkan semua menteri besar dan ketua menteri supaya menswastakan keseluruhan bekalan air negeri termasuk pembersihan, pembekalan dan bayaran.

Bagaimanapun, katanya, ada kerajaan negeri hanya menswastakan sebahagian sahaja seperti loji air, sekali gus menyebabkan Jabatan Bekalan Air negeri kerugian.

(END)